

Newspaper	Berita Harian
Date	16 June 2015



**Shah Alam:** Tun Dr Mahathir Mohamad menafikan beliau akan terus menekan Datuk Seri Najib Razak sehingga Perdana Menteri meletak jawatan.

Bekas Perdana Menteri berkata, beliau sebelum ini menyokong perkara baik yang dilakukan Najib serta hanya menegur jika terdapat kesilapan dilakukan.

"Bukan gasak, saya dedahkan benda yang tak kena, benda yang kena saya tak pernah kritik. Saya sokong dia dulu sampai dia menang," katanya ketika ditemui selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara PROTON, DRB Hicom dan Suzuki.

Mengenai Malaysia Development Bhd (IMDB), Dr Mahathir mengulangi pendapatnya bahawa isu berkenaan tidak dapat diselesaikan dengan mudah.

"Tidak apa jika (Najib) mahu selesaikan (isu IMDB), tapi sementara itu, kita masih terdedah kepada perkara yang teruk," katanya.